



Zayd b.Thābit dan Pendiriannya dalam Kes-Kes Farā'id Tertentu

ZAYD B. THĀBIT R.A. DAN PENDIRIANNYA DALAM KES-KES FARĀ'ID TERTENTU

Zahari bin Mahad Musa*

ABSTRACT

Qawl al-ṣaḥābī, a disputed source of Islamic law among Muslim jurists, functions at explaining the rulings based on independent legal reasoning (ijtihād) of Prophet Muhammad's (p.b.u.h.) companions. This is due to the fact that the companions are those who belong to the early generations who witnessed the gradual process of revelation onto Prophet Muhammad (p.b.u.h.) apart from being the first recipients of Islamic teachings. However, the authoritative legal reasoning is very much focused on only a few number of distinguished companions, specifically those who were frequently referred to by others. In this aspect, one should not forget Zayd b. Thābit r.a, a personality with acknowledged credibility and expertise. Thus, this paper aims to identify this outstanding gift of deriving ijtiḥād by Zayd b. Thābit r.a. as a sample of qawl al-ṣaḥābī. Apart from that, this paper also aims at proving the expertise of Zayd b. Thābit r.a. in farā'id as recognized by Prophet Muhammad (p.b.u.h.) in one of His (p.b.u.h.) hadiths. The discussion will also deal with certain leading and known farā'id cases with distinctive calculative methods.

Pendahuluan

Qawl al-ṣaḥābī merupakan salah satu sumber hukum yang tidak disepakati dalam perundangan Islam dan ia juga digelar dengan istilah lain iaitu *fatwā al-ṣaḥābī* atau *madhhab al-ṣaḥābī*. Kesemuanya membawa maksud yang sama iaitu setiap pendapat atau pandangan tentang hukum sesuatu masalah yang tiada nas atau *ijmā'* padanya

* Pensyarah, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan.



dan disandarkan kepada para sahabat Rasulullah SAW walaupun seorang.¹ Kewujudan *qawl al-ṣaḥābī* sebagai sumber hukum berpunca daripada *manhaj* atau kaedah yang digunakan para sahabat sepanjang sejarah perundangan Islam.

Dalam menyelesaikan sesuatu hukum, mereka akan merujuk kepada nas sama ada al-Quran atau al-Sunnah. Sekiranya tidak terdapat penyelesaian pada kedua-duanya, mereka akan membuat perbandingan dengan setiap masalah yang terdapat hukum padanya. Jika masih kesamaran, mereka akan bermesyuarat untuk meminta pandangan ramai. Apabila mereka semua bersepakat dalam sesuatu hukum, maka ia dianggap *ijmā'* yang wajib diikuti. Namun, apabila tiada kata sepakat yang dicapai, maka wujudlah perbezaan pandangan di antara satu dengan yang lain. Kesannya, setiap satu masalah berkemungkinan mempunyai beberapa hukum menurut pandangan setiap sahabat yang menyelesaikannya. Di samping itu, golongan minoriti dari kalangan mereka biasanya akan mengikut pandangan majoriti yang diputuskan.²

Secara umumnya, kredibiliti para sahabat tidak boleh disangkal oleh umat Islam. Mereka merupakan generasi awal dakwah Rasulullah SAW yang beriman dan mendapat didikan langsung daripada baginda. Kelebihan itu menjadikan mereka sentiasa bersungguh-sungguh dalam mengamalkan hukum syarak. Mereka sanggup berkorban sama ada dengan nyawa, harta atau kedua-duanya demi menegakkan agama tercinta. Sifat-sifat terpuji seperti pemurah, zuhud dan merendah diri sentiasa menjadi hiasan diri mereka.³

Walaupun semua para sahabat Rasulullah dihukumkan sebagai *'udūl*⁴ secara keseluruhannya, namun tidak semua dari kalangan mereka yang menonjol dalam bidang fiqh dan fatwa. Terdapat beberapa sahaja individu sahabat r.a yang lebih

¹ Mustafā Dīb al-Bughā (1999), *Athar al-Adillah al-Mukhtalaf fihā fī al-Fiqh al-Islāmī*, Beirut: Dār al-Qalam, h. 339; Qutb Mustafā Sānū (2000), *Mu'jam Mustalahāt Usūl al-Fiqh*, Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āsir, h. 343.

² Muḥammad Sallām Madkūr, *al-Madkhal li al-Fiqh al-Islāmī*, Al-Kuwait: Dār al-Kitāb al-Ḥadīth, t.t., h. 78-79. Kesemua pandangan sahabat disebut juga dengan istilah *athar*.

³ Al-Amīni, Nūr 'Ālam Khalīl (1989), *al-Saḥābah wa Makānatuhum fī al-Islām*, Kaherah: Dār al-Saḥwah, h. 31-50.

⁴ Ibn al-Salāh (1986), 'Uthmān b. 'Abd al-Raḥmān, *'Ulūm al-Ḥadīth*, Damshiq: Dār al-Fikr, h. 104-105. Kepentingan konsep ini ialah bagi memastikan sesuatu riwayat khususnya hadis Rasulullah SAW diterima atau dikategorikan kepada *ḥadīth saḥīḥ*, *ḥasan* atau *ḍa'īf*. Ia bertujuan menentukan syarat perawi dalam *sana'd* hadis tersebut. Asas kepada konsep *'adālah* ialah Islam, baligh, berakal dan terselamat daripada perkara-perkara fasiq dan yang mencacatkan maruah.



Zayd b. Thābit dan Pendiannya dalam Kes-Kes Farā'id Tertentu

terhadap dalam mengeluarkan hukum serta menyelesaikan masalah-masalah fiqh yang timbul pada zaman mereka. Dalam hal ini, beberapa riwayat telah menyenaraikan sahabat Rasulullah SAW yang dianggap tokoh ilmuan sepanjang sejarah perundangan Islam. Seramai tujuh orang sahabat disenaraikan sebagai fuqaha al-sahabah yang banyak mengambil peranan dalam memberi pandangan dan hukum iaitu 'Umar b. al-Khaṭṭāb, 'Alī b. Abī Ṭālib, 'Abdullāh b. Mas'ūd, 'Abdullāh b. 'Umar, 'Abdullāh b. 'Abbās, Zayd b. Thābit dan 'A'ishah r.a.⁵

Dalam hal ini, Imam Ibn Qayyim al-Jawziyyah⁶ telah mengklasifikasikan para sahabat Rasulullah SAW yang berperanan mengeluarkan fatwa kepada tiga kategori iaitu:⁷

1. Golongan yang banyak mengeluarkan fatwa ialah seramai tujuh orang iaitu 'Umar, 'Alī, 'A'isyah, 'Abdullāh b. Mas'ūd, Zayd b. Thābit, 'Abdullāh b. 'Abbās dan 'Abdullāh b. 'Umar.
2. Golongan yang sederhana mengeluarkan fatwa iaitu Anas b. Mālik, Abū Bakar, 'Uthmān b. 'Affān, Umm Salamah, Abū Sa'īd al-Khudrī, Abū Hurayrah, 'Abdullāh b. 'Amrū, 'Abdullāh b. al-Zubayr, Abū Mūsā al-Ash'arī, Sa'ad b. Abī Waqqās, Salmān al-Fārisī, Jābir b. 'Abdullāh, Mu'ādh b. Jabal, Ṭalhah, al-Zubayr, 'Abd al-Raḥmān b. 'Awf, 'Imrān b. Ḥusayn, Abū Bakrah, 'Ubādah b. al-Ṣāmit dan Mu'āwiyah b. Abī Sufyān.
3. Golongan yang sedikit mengeluarkan fatwa; kumpulan ini adalah yang paling ramai dari kalangan sahabat iaitu selain daripada mereka yang telah tersenarai dalam dua kategori sebelum ini seperti Abū al-Dardā', Abū Salamah al-Makhzūmī, Abū 'Ubaydah al-Jarrāh, Sa'īd b. Zayd, Ubay b. Ka'ab, Abū Dhar dan lain-lain lagi.

Penulisan ini akan memfokuskan kepada Zayd b. Thābit r.a. yang merupakan seorang sahabat Rasulullah SAW yang berperanan penting dalam sejarah Islam. Beliau dipilih sebagai sampel sahabat yang mempunyai peranan tersendiri khususnya dalam bidang

⁵ Lihat al-Sakhāwī, Muḥammad b. 'Abd al-Raḥmān (1993), *Fath al-Mughūth Sharḥ Alfīyyah al-Ḥadīth*, jld. 3, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 98.

⁶ Beliau ialah Muḥammad b. Abī Bakar b. Ayyūb, Abū 'Abbillāh (691H-751H/1292M-1350M). Beliau dilahirkan dan meninggal dunia di Damshiq. Beliau merupakan ulama yang banyak mengarang sepanjang hidupnya. Antara karya beliau ialah *I'lām al-Muwaqqi'in*, *al-Turuq al-Ḥukmiyyah*, *Shifā' al-'Alīl*, *Aḥkām Ahl al-Dhimmah* dan lain-lain lagi. Lihat al-Zirikī, Khayr al-Dīn (1997), *al-A'lām*, jld. 6, Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, h. 56.

⁷ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muḥammad b. Abī Bakar (1996), *I'lām al-Muwaqqi'in*, jld. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 10.



fara'id. Hal ini diperakui sendiri oleh baginda SAW dalam hadisnya bagi menunjukkan wujudnya bidang kepakaran yang berbeza di kalangan sahabat Rasulullah SAW.

Personaliti Zayd B. Thābit R.A. Sebagai Ikon Ilmuan Sahabat

Zayd b. Thābit r.a. merupakan salah seorang tokoh ilmuan sahabat Rasulullah SAW. terutamanya apabila dikategorikan dalam senarai tujuh orang sahabat r.a. yang banyak mengeluarkan fatwa. Beliau telah banyak memberi sumbangan dalam perkembangan Islam di samping sahabat-sahabat terkenal yang lain.

Latar Belakang Zayd b. Thābit r.a.

Nama penuh beliau ialah Zayd b. Thābit b. al-Ḍaḥḥāk b. Zayd b. Lūdhān b. 'Amrū b. 'Abd 'Awf b. Ghanm b. Mālik b. al-Najjār al-Anṣārī al-Najjārī.⁸ Beliau merupakan sahabat Rasulullah SAW dari golongan Ansar yang berketurunan Banī Sawād b. Ghanm b. Mālik b. al-Najjār yang merupakan sebahagian daripada kabilah al-Khazraj.⁹ Keturunan tersebut merupakan antara sebaik-baik kabilah dari kalangan Ansar.

Zayd b. Thābit sendiri terkenal dengan beberapa *kunyah* dan gelaran¹⁰. Antara *kunyah* beliau ialah Abū Sa'īd, Abū Khārijah dan Abū 'Abd al-Raḥmān.¹¹ Walau bagaimanapun, Abū Sa'īd merupakan *kunyah* yang paling terkenal bagi Zayd b. Thābit r.a.. Zayd

⁸ Biografi tokoh ini dikumpulkan daripada pelbagai sumber. Ibn 'Abd al-Bar al-Qurtubī, Yūsuf b. 'Abdullāh (1995), *al-Istī'āb fī Ma'rīfat al-Ashāb*, jld. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 111; Ibn al-Athīr, 'Izz al-Dīn Abū al-Ḥasan 'Alī b. Muḥammad al-Jazrī (1993), *Usd al-Ghābah fī Ma'rīfat al-Sahābah*, jld. 2, Beirut: Dār al-Fikr, h. 137; al-Mizzī, Jamāl al-Dīn Abū al-Hajjāj Yūsuf (1992), *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl*, jld. 10, Mu'assasat al-Risālah, Beirut, h. 24; al-Dhahabī, Shams al-Dīn Muḥammad b. Aḥmad b. 'Uthmān (1990), *Siyar A'lām al-Nubalā'*, jld. 2, Mu'assasat al-Risālah, Beirut, h. 426; Ibn Hajar al-'Asqalānī, Aḥmad b. 'Alī (1995), *al-Isābah fī tamyīz al-sahābah*, jld. 2, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, h. 490.

⁹ Ibn Qudāmah al-Maqdisī, Muwaffaq al-Dīn 'Abdullāh, *al-Istībār fī Nasb al-Sahābah min al-Ansār*, t.tp.: Dār al-Fikr, t.t., h.71.

¹⁰ Penggunaan kedua-dua istilah tersebut lebih kepada masyarakat Arab. Perbezaan antara *kunyah* dan *laqab* ialah *kunyah* merupakan setiap nama yang dimulai dengan nama "Abū" atau "Umm" bagi kebanyakan masyarakat Arab. Manakala *laqab* (gelaran) pula setiap nama yang diberi kepada seseorang sama ada berdasarkan nama kabilah, keturunan, kegemaran, sifat-sifat tertentu atau lain-lain yang membuatnya teristimewa daripada orang lain.

¹¹ Ibn al-Athīr, 'Izz al-Dīn Abū al-Ḥasan 'Alī b. Muḥammad al-Jazrī (1993), *op. cit.*, h. 137.



Zayd b. Thābit dan Pendiannya dalam Kes-Kes Farā'id Tertentu

juga mempunyai beberapa gelaran bagi menunjukkan keistimewaan dan ketokohan beliau terutama dalam beberapa bidang yang tertentu. Gelaran-gelaran yang ada termasuklah al-Ansārī, al-Madanī, al-Najjārī, al-Khazrajī, al-Faradī, al-Kātib dan al-Muqri'.¹²

Sejak kecil lagi, Zayd b. Thābit telah dididik sebagai seorang anak yatim. Bapanya Thābit b. al-Ḍaḥḥāk meninggal dunia dalam satu pertempuran yang dikenali sebagai peristiwa *yawm bu'āth*.¹³ Ketika itu usia Zayd baru enam tahun. Perkongsian hidup bersama ibu Zayd telah melahirkan dua orang putera iaitu Yazīd dan Zayd. Yazīd merupakan abang sulung kepada Zayd b. Thābit.¹⁴

Beliau diasuh oleh ibunya yang bernama al-Nawwār¹⁵ bt. Mālik b. Mu'āwiyah b. 'Adī b. 'Āmir b. Ghanm b. 'Adī b. al-Najjār.¹⁶ Ibunya mendidik dengan penuh kasih sayang dan sentiasa mengharapkan puteranya itu menuruti jejak ayahnya sebagai seorang pejuang. Sebagai bukti, ibunya sangat bersedih apabila anaknya tidak dizinkan oleh

¹² Al-Bandārī, 'Abd al-Ghaffār Sulaimān (1993), *Mawsū'at Rijāl al-Kutub al-Sittah*, jld. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 545. Gelaran-gelaran yang diberikan kepada beliau lebih difokuskan kepada dua aspek iaitu nama-nama kabilah beliau dan bidang kepakaran yang dimiliki. Perincian gelaran tersebut adalah seperti berikut: *al-Ansārī* dinisbahkan kepada golongan Ansar, *al-Madanī* adalah nisbah kepada sahabat yang berasal dari Madinah, *al-Najjārī* adalah nama yang dinisbahkan kepada moyangnya, *al-Khazrajī* adalah nisbah kepada kabilahnya, *al-Faradī* adalah kepakaran beliau dalam bidang faraid, *al-Kātib* adalah gelaran bagi tugas beliau sebagai penulis wahyu dan *al-Muqri'* adalah gelaran bagi kebolehan beliau dalam bidang qiraat.

¹³ Al-Hamawī, Shihāb al-Dīn Abū 'Abdillāh Yāqūt b. 'Abdillāh (1990), *Mu'jam al-Buldān*, jld. 1, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, h. 535. Peristiwa yang dikaitkan dengan pertelingkahan antara golong al-Aws dan al-Khazraj yang membawa kemenangan kepada golongan al-Aws di bawah kepimpinan Hadīr al-Katāib Abū Asīd. Ia berlaku lima tahun sebelum penghijrahan nabi Muhammad s.a.w ke Madinah. Pertelingkahan berpunca daripada perancangan dan sifat dengki orang Yahudi yang berada di Madinah terhadap kedua-dua kabilah tersebut. *Bu'āth* adalah nama satu kawasan yang terletak di pinggir Madinah.

¹⁴ Al-Mizzī, Jamāl al-Dīn Abū al-Hajjāj Yūsuf (1992), *op.cit.*, jld. 32, h. 98.

¹⁵ Muḥammad Sa'īd Mubayyad (1996), *Mawsū'at Hayāh al-Sahābiyyāt*, Syria: Maktabah al-Ghazālī, h. 739. al-Nawwār merupakan salah seorang sahabat. Setelah kematian suaminya Thābit, beliau berkahwin dengan 'Umārah b. Ḥazm b. Zayd b. Lūdhān b. 'Amrū b. 'Abd b. 'Awf b. Ganm b. Mālik b. al-Najjār. Perkongsian hidup bersama suami kedua telah dikurniakan anak iaitu Mālik yang merupakan adik tiri seibu kepada Zayd.

¹⁶ Ibn 'Abd al-Bar al-Qurtubī, Abū 'Umar Yūsuf b. 'Abdullāh (1995), *op.cit.*, h. 111.



Rasulullah SAW untuk menyertai peperangan Badar disebabkan usianya yang masih muda.¹⁷

Latarbelakang keluarga menunjukkan bahawa Zayd b. Thābit mempunyai bilangan keluarga yang besar. Ini dapat dibuktikan daripada zuriat yang dimilikinya. Beliau mempunyai tiga orang isteri dan memiliki dua orang *umm al-walad*.¹⁸ Isteri-isteri beliau ialah Umm Jamīl bt. al-Makhwal b. ‘Abd b. Qays b. ‘Amrū b. Nadr b. Mālik b. Hasl b. ‘Āmir b. Luay, Jamīlah Umm Sa‘ad bt. Sa‘ad al-Rabī‘ b. ‘Amrū b. Abī Zuhayr b. Imri al-Qays b. Mālik b. Tha‘labah b. Ka‘ab b. Khazraj b. al-Ḥārith b. al-Khazraj dan ‘Amīrah bt. Mu‘ādh b. Anas b. Qays b. ‘Ubayd b. Zayd b. Mu‘āwiyah b. ‘Amrū b. Mālik b. al-Najjār.¹⁹ Hasil perkongsian hidup bersama mereka telah melahirkan ramai zuriat.

Perkahwinan dengan Umm Jamīl hanya melahirkan seorang putera iaitu Sa‘id b. Zayd. Manakala dengan isteri kedua melahirkan dua belas²⁰ orang cahaya mata iaitu Khārijah, Sulaymān, Yahyā, ‘Umārah, Ismā‘īl, As‘ad, ‘Ubādah, Ishāq, Hasanah, ‘Amrah, Umm Ishāq dan Umm Kalthūm. Anak-anak beliau bersama isteri ketiga pula seramai empat orang iaitu Ibrāhīm, Muḥammad, ‘Abd al-Raḥmān dan Umm Ḥasan.²¹

Tidak dapat dipastikan tarikh yang tepat berkaitan kelahiran Zayd b. Thābit. Ini kerana semua riwayat hanya menyatakan tentang usianya ketika Rasulullah sampai ke Madinah. Ketika itu, usia beliau adalah sebelas tahun. Ini bermakna, beliau telah dilahirkan sebelas tahun sebelum hijrah Rasulullah SAW. ke Madinah atau dua tahun selepas penurunan wahyu ke atas baginda SAW.²² Menurut sejarawan Khayr al-Dīn

¹⁷ Tantāwī, ‘Abd al-Mun‘im Kāmil (1997), *Kawākib Ḥawl al-Rasūl*, Kaherah: Markaz Yāfā li al-Dirāsāt wa al-Abḥāth, h. 41.

¹⁸ Wazārat al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah (1992), *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah*, Kuwait: Tabā‘ah dhāt al-Salāsīl, jld. 23, h. 18. *Umm walad* ialah salah satu kategori hamba. Ia merupakan istilah yang digunakan bagi menunjukkan hamba-hamba perempuan yang melahirkan anak tuannya hasil persetubuhan bersama mereka. Terdapat lima jenis hamba iaitu : *al-qinn*, *al-muba‘ad*, *al-mukātab*, *al-mudabbar* dan *umm al-walad*.

¹⁹ Al-Mizzī, Jamāl al-Dīn Abū al-Hajjāj Yūsuf (1992), *op.cit.*, jld. 10, h. 26-27.

²⁰ Al-Dhahabī, Shams al-Dīn Muḥammad b. Aḥmad b. ‘Uthmān (1990), *op.cit.*, h. 428. Menurut al-Dhahabī: Zayd b. Thābit hanya mempunyai dua belas orang anak bersama isteri yang kedua, tanpa menyebut Sa‘ad.

²¹ Al-Mizzī, Jamāl al-Dīn Abū al-Hajjāj Yūsuf (1992), *op.cit.*, jld. 10, h. 27.

²² Ibn al-Jawzī, Jamāl al-Dīn Abū al-Faraj ‘Abd al-Raḥmān b. ‘Alī (1992), *Sifāt al-Safwah*, jld. 1, Beirut: Dār al-Fikr, h. 315; al-‘Ak, Khālīd ‘Abd al-Raḥmān (1991), *Mawsū‘ah ‘Uzamā’ Ḥawl al-Rasūl*, Beirut: Dār al-Nafā‘is, h. 815.



Zayd b. Thābit dan Pendiriannya dalam Kes-Kes Farā'id Tertentu

al-Ziriklī, catatan usia Zayd b. Thābit r.a adalah di antara tahun 11 sebelum Hijrah hingga tahun 45 Hijrah bersamaan tahun 611 Masihi hingga tahun 665 Masihi.²³ Ini menunjukkan tahun kelahiran beliau ialah pada tahun kesebelas sebelum Hijrah.

Tarikh pengislaman Zayd b. Thābit juga tidak dapat dikenal pasti secara tepat. Penghijrahan Rasulullah SAW. ke Madinah membuktikan usia beliau masih muda iaitu ketika berusia 11 tahun. Beliau telah menerima Islam ketika bersama keluarganya atau penduduk awal Madinah yang menerima Islam daripada Rasulullah SAW. Semua riwayat hanya menjelaskan tentang potensi beliau mahir membaca al-Quran di hadapan Rasulullah SAW dalam usia muda sehingga membuatkan baginda terpegun dan merasa kagum.

Daripada Khārijah b. Zayd daripada bapanya berkata: “Aku telah dibawa berjumpa Rasulullah SAW sejurus ketibaan baginda di Madinah. Lalu beberapa orang memberitahu tentangku kepada baginda: Wahai Rasulullah SAW, kanak-kanak ini (Zayd) telah membaca tujuh belas surah daripada apa yang diturunkan kepadanya. Kemudian aku membacanya sehingga Rasulullah merasa takjub. Maka Rasulullah bersabda: Wahai Zayd, pelajarilah tulisan Yahudi bagi pihakku. Sesungguhnya demi Allah aku tidak mempercayai mereka terhadap kitab ini. Kemudian aku mempelajarinya sehingga mahir dalam masa setengah bulan”.²⁴ Riwayat ini menunjukkan Zayd telah diperdengarkan dengan bacaan al-Quran sebelum Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah. Ini jelas membuktikan, beliau telah menerima ajaran Islam sejak awal lagi.

Selain itu, faktor pengislaman beliau juga berkait-rapat dengan keluarganya. Antara bukti yang menyokong faktor ini ialah peranan yang dimainkan oleh bapa tirinya ‘Umārah b. Ḥazm yang merupakan salah seorang penduduk Madinah yang melakukan perjanjian ‘*Aqabah* kedua dengan Rasulullah SAW.²⁵ Peristiwa tersebut memperkukuhkan lagi kedudukan pengislaman Zayd sejak kecil lagi. Ini kerana, beliau mendapat didikan dan asuhan secara langsung daripada bapa tiri iaitu ‘Umārah setelah kematian bapanya.

Terdapat perselisihan riwayat dalam menentukan tahun kematian Zayd b. Thābit r.a. Sebahagian riwayat menunjukkan tahun kematian beliau adalah sekitar tahun 40 Hijrah hingga 45 Hijrah. Manakala setengah yang lain menunjukkan antara tahun 50 hingga

²³ Al-Ziriklī, Khayr al-Dīn (1997), *op.cit.*, jld. 3, h. 57.

²⁴ Al-Dhahabī, Shams al-Dīn Muḥammad b. Aḥmad b. ‘Uthmān (1990), *op.cit.*, h. 428.

²⁵ Ibn al-Athīr, ‘Izz al-Dīn Abū al-Ḥasan ‘Alī b. Muḥammad al-Jazrī (1993), *op.cit.*, h. 129.



55 hijrah.²⁶ Walau bagaimanapun, pendapat yang paling tepat ialah pada tahun 45 hijrah iaitu ketika usia beliau lima puluh enam tahun.

Kematian dan pemergian beliau menjadi rintihan kepada masyarakat sezamannya. Abū Hurayrah²⁷ berkata sewaktu Zayd meninggal dunia: “Pada hari ini telah pergi seorang yang baik bagi umat Islam, mudah-mudahan Allah SWT menjadikan Ibn ‘Abbās sebagai pengganti”.²⁸

Zayd b. Thābit r.a terkenal dengan semangat juang dan jihad yang tinggi. Keberanian dan semangat yang ditunjukkan terbukti apabila beliau memberanikan diri untuk turut serta dalam barisan pejuang-pejuang perang Badar. Ketika itu beliau baru sahaja mencecah usia tiga belas tahun. Kehadiran beliau disedari oleh Rasulullah SAW. dengan rasa takjub dengan semangat yang ditunjukkan walaupun dalam usia yang masih muda²⁹. Walau bagaimanapun, baginda Rasulullah SAW mengambil keputusan tidak membenarkan beliau untuk turut serta dalam peperangan tersebut. Zayd pulang dengan rasa sedih kerana tidak dapat berjuang bersama Rasulullah SAW dalam peperangan yang pertama dalam kalendar umat Islam. Kesedihan beliau turut dirasakan oleh ibunya al-Nawwār bt. Mālik yang mahu melihat anaknya berjuang mempertahankan Islam.³⁰ Penyertaan beliau di medan jihad bermula pada peperangan Uhud.³¹

Halangan daripada menyertai peperangan pertama umat Islam tidak mematahkan semangatnya untuk terus berjuang terutama dalam mendalami ilmu pengetahuan. Beliau dikenali sebagai tokoh ilmuwan dalam beberapa bidang. Qabīṣah³² berkata: “Zayd merupakan ketua di Madinah dalam bidang perundangan, fatwa, bacaan (*qiraat*) dan

²⁶ Ibn ‘Abd al-Bar al-Qurtubī, Abū ‘Umar Yūsuf b. ‘Abdullāh (1995), *op.cit.*, h. 113.

²⁷ Beliau ialah ‘Abd al-Raḥmān b. Sakhar al-Dūsī (21 sebelum H-59H/602M-679M). Beliau merupakan antara sahabat yang paling banyak meriwayatkan hadis iaitu kira-kira 5374 hadis. Memeluk Islam pada tahun 7H. Lihat al-Ziriklī, Khayr al-Dīn (1997), *op.cit.*, h. 308.

²⁸ Al-Shawkānī, Muḥammad b. ‘Alī (1984), *Dur al-Sahābah fī Manāqib al-Qarābah wa al-Sahābah*, Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 428.

²⁹ Tantāwī, ‘Abd al-Mun‘im Kāmil (1997), *op.cit.*, h. 41.

³⁰ *Ibid.*

³¹ Ibn ‘Abd al-Bar al-Qurtubī, Abū ‘Umar Yūsuf b. ‘Abdullāh (1995), *op.cit.*, h. 111; Ibn al-Athīr, ‘Izz al-Dīn Abū al-Ḥasan ‘Alī b. Muḥammad al-Jazrī (1993), *op.cit.*, h. 137. Terdapat riwayat yang mengatakan bahawa penyertaan pertama Zayd di medan perang ialah dalam peperangan Khandaq.

³² Beliau ialah Qabīṣah b. Dhuayb (1H-86H/622M-705M). Beliau meninggal dunia pada zaman pemerintahan ‘Abd al-Mālik b. Marwān di Damshiq. Lihat al-Ziriklī, Khayr al-Dīn (1997), *op.cit.*, jld. 5, h. 189.



Zayd b. Thābit dan Pendiriannya dalam Kes-Kes Farā'id Tertentu

farā'id".³³ Selain itu, beliau juga diberi peluang oleh Rasulullah SAW untuk belajar penulisan (khat) daripada tawanan perang Badar yang tidak berkemampuan untuk membayar wang tebusan bagi pembebasan mereka. Kesannya, beliau dapat mendalami bidang tersebut dalam masa yang singkat sehingga dilantik sebagai penulis wahyu dalam usia yang masih muda.

Zayd b. Thābit juga seorang yang berpendirian tegas dan berfikiran terbuka. Ini dibuktikan apabila pandangan beliau diterima dalam menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku dalam melantik khalifah yang baru sejurus kewafatan Rasulullah SAW. Para sahabat terutama dari kalangan Muhajirin dan Ansar, berselisih pandangan dalam menentukan siapa yang paling berhak dilantik sebagai pengganti baginda.³⁴

Beliau juga dikenali sebagai seorang yang mudah mesra apabila berinteraksi dengan rakan-rakan di sekeliling terutamanya kaum kerabat. Kehadirannya disenangi dan diterima oleh mereka. Thābit b. 'Ubayd meriwayatkan: "Aku tidak pernah melihat seorang lelaki yang mesra apabila berada bersama keluarganya dan beradab apabila berada di suatu majlis setanding dengan Zayd".³⁵ Kesan keperibadian dan sifat mudah mesra ini menyebabkan para sahabat sentiasa menunjukkan rasa hormat terhadap beliau. Ini kerana, beliau merupakan salah seorang ilmunan dari kalangan mereka dan digolongkan di antara ahli al-Quran. Sebagai contoh, menurut al-Sha'bi³⁶ daripada Ibn 'Abbās menceritakan: "Sewaktu Zayd hendak menaiki tunggangannya, Ibn 'Abbās terus bersegera memegang kenderaan tersebut. Lalu Zayd berkata kepadanya: biarkan wahai sepupu Rasulullah SAW. Ibn 'Abbās menjawab: Tidak, beginilah sepatutnya yang kami lakukan kepada para ulama dan orang yang lebih tua".³⁷

Satu bentuk penghormatan yang sepatutnya diamalkan oleh setiap individu terhadap golongan ilmunan terutama mereka yang menjadi pendidik masyarakat. Riwayat tersebut juga menggambarkan sikap rendah diri (*tawādu'*) yang ditunjukkan oleh Zayd terhadap Ibn 'Abbās yang merupakan salah seorang *ahl al-bayt* Rasulullah SAW.

³³ Khālid Muḥammad Khālid (t.t), *Rijāl Ḥawl al-Rasūl*, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, h. 490.

³⁴ Tantāwī, 'Abd al-Mun'im Kāmil (1997), *op.cit.*, h. 43.

³⁵ Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad b. 'Alī (1995), *op.cit.*, jld. 2, h. 492.

³⁶ Beliau ialah 'Āmir b. Sharāhīl, Abū 'Amrū (19H-103H/640M-721M). Dilahirkan dan meninggal dunia di Kufah. Beliau merupakan *faqīh al-tābi'in*, penyair dan perawi hadis yang *thiqah*. al-Ziriklī, Khayr al-Dīn (1997), *op.cit.*, jld. 3, h. 251.

³⁷ Ibn Sa'ad, Muḥammad b. Sa'ad b. Manī' al-Basrī, *al-Tabaqāt al-kubrā*, jld. 2, h. 360; Abū 'Abdullāh Mustafā b. al-'Adwī (1995), *al-Saḥīḥ al-Musnad min Fadā'il al-Saḥābah*, al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah: Dār Ibn 'Affān, h. 403.



Keilmuan Dan Sumbangan Zayd b. Thābit r.a

Penulisan Wahyu

Kelebihan yang dimiliki oleh Zayd b. Thābit dalam bidang penulisan telah memberi sumbangan yang besar kepada Islam terutama apabila dilantik sebagai salah seorang penulis wahyu. Bakat penulisan beliau telah diasuh sejak kecil lagi. Ini memandangkan tidak ramai penduduk Madinah ketika itu yang pandai menulis (tulisan khat) dengan baik. Di samping itu, beliau diberi peluang untuk belajar menulis daripada tawanan perang Badar yang tidak mampu membayar wang pembebasan diri.

Beliau diberi amanah untuk terlibat secara langsung dalam semua peringkat penulisan al-Quran. Pengumpulan al-Quran dalam bentuk tulisan berlaku dalam tiga peringkat yang utama. Hal ini memberi petunjuk bahawa kewibawaan Zayd dengan amanah sesuatu tugas diterima dan dipercayai oleh jumhur sahabat r.a. Peringkat pertama berlaku pada zaman Rasulullah SAW. Baginda melantik beberapa orang individu yang berperanan sebagai penulis wahyu seperti Abū Bakar, ‘Umar, ‘Uthmān, ‘Alī, Mu‘āwiyah, Abā b. Sa‘īd, Khālid b. al-Walīd, Ubay b. Ka‘ab, Zayd b. Thābit, Thābit b. Qays dan ramai lagi³⁸. Hal ini diperakui sendiri oleh Zayd dengan mengatakan: “Kami menulis al-Quran di atas kulit-kulit binatang sewaktu berada di sisi Rasulullah SAW”.³⁹ Dalam riwayat yang lain, daripada Muhammad berkata: “Apabila Rasulullah SAW. wafat, al-Quran tidak lagi dikumpulkan oleh sahabat baginda melainkan oleh empat orang dari kalangan Ansar dan seorang yang menjadi perselisihan. Mereka ialah Zayd b. Thābit, Mu‘ādh b. Jabal, Ubay b. Ka‘ab dan yang menjadi perselisihan ialah Tamīm al-Dārī”.⁴⁰ Imam al-Bukhārī juga meriwayatkan daripada Anas r.a.: “al-Quran dikumpulkan pada zaman Rasulullah SAW oleh empat orang yang kesemuanya dari kalangan Ansar iaitu: Ubay, Mu‘ādh, Abū Zayd dan Zayd b. Thābit”.⁴¹

Kesemua riwayat ini menunjukkan beberapa orang sahabat telah disenaraikan sebagai penulis wahyu ketika Rasulullah SAW masih hidup. Riwayat-riwayat tersebut juga menjelaskan bahawa peranan Zayd yang tersenarai sebagai penulis wahyu utama adalah disepakati berbanding dengan beberapa nama sahabat yang lain.

³⁸ Al-Suyūṭī, Abū al-Faḍl Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān Abū Bakar (1991), *al-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmyyah, jld. 1, h. 126.

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad b. ‘Alī (1989), *Fath al-Bārī Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmyyah, jld. 7, h. 161.



Zayd b. Thābit dan Pendiannya dalam Kes-Kes Farā'id Tertentu

Peringkat kedua ialah pengumpulan pada zaman khalifah Abū Bakar r.a. Ia bermula hasil cetusan idea yang dikemukakan oleh 'Umar b. al-Khaṭṭāb setelah melihat ramai penghafaz al-Quran syahid sejurus peperangan Yamamah. Pada peringkat awal Zayd merasa berat untuk menerima tugas tersebut. Namun setelah perbincangan bersama dengan para sahabat yang lain dibantu pengalaman yang ketika Rasulullah SAW masih ada, beliau memikul tugas tersebut dengan hati yang terbuka sepertimana dialog beliau bersama Abū Bakar yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī.⁴² Peringkat ketiga pengumpulan al-Quran ialah pada zaman khalifah 'Uthmān b. 'Affān r.a. Cadangan tersebut telah diberikan oleh Hudhayfah b. al-Yaman apabila melihat umat Islam berselisih pendapat yang berpunca daripada perselisihan bacaan al-Quran. Khalifah 'Uthmān telah melantik satu badan yang bertanggungjawab dalam urusan pengumpulan al-Quran di dalam satu mashaf. Badan tersebut terdiri daripada Zayd b. Thābit, 'Abdullāh b. Zubayr, Sa'īd b. al-'Āṣ dan 'Abd al-Raḥmān b. al-Ḥārith.⁴³

Periwayatan Hadis

Usaha para sahabat dan peranan mereka dalam meriwayatkan hadis Rasulullah SAW adalah berbeza-beza. Terdapat di kalangan mereka yang disenaraikan sebagai periwayat hadis yang banyak dan ada pula yang hanya meriwayatkan beberapa hadis sahaja. Dalam hal ini, Zayd b. Thābit digolongkan sebagai mereka yang sedikit meriwayatkan hadis dari kalangan sahabat. Ini kerana, penumpuan beliau lebih diberikan kepada penulisan al-Quran itu sendiri. Tugas penulisan tersebut merupakan amanah yang sangat berat dan perlu dilaksanakan dengan penuh ketelitian dan berwaspada sebagaimana yang diperakukannya: "Demi Allah, kalaulah disuruhku untuk memindahkan sesebuah bukit nescaya ianya lebih mudah berbanding suruhan untuk mengumpul al-Quran".⁴⁴

Walau bagaimanapun, tugas yang berat tersebut bukan bermakna beliau mengabaikan periwayatan hadis sepenuhnya sebagai sumber terpenting dalam perundangan Islam. Mengikut pengiraan ulama, hadis yang diriwayatkan oleh Zayd b. Thābit adalah sekitar

⁴² Al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Musnad al-Sahīh*, Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān (66), Bab Jam' al-Qur'ān (3), no: 4986.

⁴³ Al-Suyūṭī, Abū al-Faḍl Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān Abū Bakar (1991), *op.cit.*, h. 130.

⁴⁴ Al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Musnad al-Sahīh*, Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān (66), Bab Jam' al-Qur'ān (3), no: 4986.



92 hingga 95 sahaja.⁴⁵ Sepuluh hadis yang diriwayatkannya dianggap sahih dan termaktub dalam *ṣaḥīḥ* al-Bukhārī dan Muslim. Lima daripadanya mencapai darjat *muttafaq ‘alayh*. Manakala lima lagi diriwayatkan secara berasingan iaitu empat hadis hanya terdapat dalam *ṣaḥīḥ* al-Bukhārī dan satu hadis lagi diriwayatkan secara berasingan oleh Imam Muslim.⁴⁶ Beliau meriwayatkan hadis secara langsung daripada Rasulullah SAW. dan beberapa orang sahabat yang lain seperti Abū Bakar, ‘Abdullāh b. ‘Umar, ‘Uthmān b. ‘Affān dan ‘Umar b. al-Khaṭṭāb r.a.⁴⁷

Ilmu Fiqh dan Faraid

Kecerdikan Zayd dalam memahami hukum Islam menjadikan beliau sebagai sumber rujukan kepada sahabat-sahabat lain. Apabila timbul sesuatu masalah, mereka akan meminta beberapa orang daripada kalangan mereka untuk berbincang dan menyelesaikan masalah tersebut. Dalam hal ini, Zayd merupakan tokoh yang tidak terkecuali dalam memberi pandangan dan menyelesaikan sesuatu masalah. Maka tidak hairanlah sekiranya beliau digolongkan sebagai ilmuan yang *faqīh* dari kalangan sahabat.⁴⁸

Sebagai contoh, ‘Abd al-Raḥmān menceritakan, daripada bapanya berkata: “Sesungguhnya Abū Bakar apabila didatangi sesuatu perkara yang memerlukan kepada pandangan mesyuarat ramai, maka beliau akan memanggil beberapa individu dari kalangan Muhajirin dan Ansar iaitu ‘Umar, ‘Uthmān, ‘Abd al-Raḥmān b. ‘Awf, Mu‘ādh b. Jabal, Ubay b. Ka‘ab dan Zayd b. Thābit. Mereka semua merupakan individu yang mengeluarkan fatwa pada zaman khalifah Abū Bakar. Kesemua fatwa yang dikeluarkan kembali kepada individu tersebut. Apabila khalifah ‘Umar dilantik, beliau juga telah melantik individu tersebut sebagai rujukan fatwa dan kesemuanya kembali kepada ‘Uthmān, Ubay dan Zayd”.⁴⁹ Dalam riwayat lain, daripada Muḥammad b. Sahl, daripada bapanya berkata: “Mereka yang mengeluarkan fatwa pada zaman Rasulullah SAW seramai enam orang; tiga dari kalangan Muhajirin dan tiga dari kalangan Ansar.

⁴⁵ al-Kabūsī, ‘Iyādah ‘Ayyūb, *Saḥābah al-Rasūl fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*, h. 141; Muḥammad Rawwās Qal‘ah Jī (1993), *Mawsū‘ah fiqh Zayd b. Thābit wa Abū Hurayrah*, Beirut: Dār al-Nafā’is, h. 16. Menurut Dr Muḥammad Rawwās Qal‘ah Jī, hadis yang diriwayatkan oleh Zayd ialah sebanyak 92 buah hadis. Manakala menurut al-Kabūsī, ‘Iyādah ‘Ayyūb, hadis yang diriwayatkan oleh beliau ialah 95 hadis.

⁴⁶ al-‘Āmirī al-Yamanī, Yahyā b. Abī Bakar (1974), *al-Riyāḍ al-Mustatābah fī Jumlat man Rawā fī al-Saḥīḥayn min al-Saḥābah*, Beirut: Maktabah al-Ma‘ārif, h. 85.

⁴⁷ al-Mizzī, Jamāl al-Dīn Abū al-Hajjāj Yūsuf (1992), *op.cit.*, h. 25.

⁴⁸ al-Shīrāzī, Abū Ishāq (1981), *Tabaqāt al-Fuqahā’*, Beirut: Dār al-Rā‘id al-‘Arabī, h. 46.

⁴⁹ Ibn Sa‘ad, Muḥammad b. Sa‘ad b. Manī‘ al-Basrī, *op.cit.*, h. 350.



Zayd b. Thābit dan Pendiannya dalam Kes-Kes Farā'id Tertentu

Mereka ialah 'Umar, 'Uthmān, 'Alī, Ubay b. Ka'ab, Mu'ādh b. Jabal dan Zayd b. Thābit".⁵⁰

Kesemua riwayat ini menunjukkan terdapat beberapa orang sahabat Rasulullah SAW yang terkenal sebagai sumber rujukan dalam mengeluarkan fatwa atau memperjelaskan sesuatu hukum yang menjadi kesamaran di kalangan mereka. Selain itu, ia juga menggambarkan kredibiliti Zayd sendiri sebagai *faqīh* dari kalangan mereka. Ini dapat dilihat apabila kesemuanya bersepakat dengan menyebut nama beliau sebagai seorang ulama sahabat berbanding nama-nama yang lain. Beliau juga dikategorikan dalam kumpulan sahabat Rasulullah SAW. yang banyak mengeluarkan fatwa.⁵¹ Pandangan beliau telah menjadi ikutan dan asas kepada beberapa mazhab terkenal terutama mazhab Mālikī dan Shāfi'ī. Imam Mālik pernah berkata: "Imam bagi setiap manusia bagi kami selepas 'Umar ialah Zayd b. Thābit".⁵²

Tidak cukup sekadar memahami serta mendalami hukum Islam, beliau juga terkenal sebagai tokoh perundangan yang mahir dalam bidang tersebut. Sebagai contoh, riwayat daripada 'Amir berkata: "Qadi bagi umat ini seramai empat orang iaitu 'Umar, 'Alī, Zayd dan Abū Mūsā al-Ash'arī".⁵³ Beliau juga dilantik sebagai pengganti khalifah sekiranya mereka mempunyai urusan di luar Madinah. Sebagai contoh, khalifah 'Umar telah melantik beliau di Madinah sebanyak tiga kali iaitu ketika khalifah menunaikan ibadah haji sebanyak dua kali dan sekali sewaktu beliau pergi berurusan ke Sham.⁵⁴

Salah satu bidang kepakaran Zayd b. Thābit dalam ilmu *fiqh* ialah farā'id. Beliau terkenal sebagai rujukan masalah pewarisan harta pusaka. Kebanyakan kes yang timbul biasanya akan dirujuk kepada pandangan beliau. Hal ini diperakui sendiri oleh Rasulullah SAW dalam hadisnya:

أرحم أمي بأمتي أبو بكر وأشدهم في أمر الله عمر وأصدقهم حياء عثمان وأقرؤهم
لكتاب الله أبي بن كعب وأفرضهم زيد بن ثابت وأعلمهم بالحلال والحرام معاذ بن
جبل إلا أن لكل أمة أميناً وأن أمين أمي هذه الأمة أبو عبيدة بن الجراح

⁵⁰ *Ibid.*

⁵¹ Ibn Ḥazm, 'Alī b. Aḥmad (1998), *al-Ihkām fī Usūl al-Aḥkām*, Kaheerah: Dār al-Ḥadīth, jld. 2, hh. 872-874.

⁵² Ibn 'Abd al-Bar al-Qurṭubī, Abū 'Umar Yūsuf b. 'Abdullāh (1995), *op.cit.*, h. 112.

⁵³ Ibn Sa'ad, Muḥammad b. Sa'ad b. Manī' al-Basrī, *op.cit.*, h. 350.

⁵⁴ Ibn 'Abd al-Bar al-Qurṭubī, Abū 'Umar Yūsuf b. 'Abdullāh (1995), *op.cit.*, h. 112.



Maksudnya:

Umatku yang paling penyayang sesama mereka Abū Bakar, yang paling tegas dalam urusan agama ialah 'Umar, yang paling pemalu ialah 'Uthmān, yang paling mahir dalam bacaan al-Quran ialah Ubay b. Ka 'ab, yang paling mahir dalam faraid ialah Zayd b. Thābit, yang paling berpengetahuan dalam perkara halal dan haram ialah Mu'ādh b. Jabal, dan ingatlah bagi setiap umat terdapat seorang penjaga amanah, maka penjaga amanah bagi umat ini ialah Abū 'Ubaydah b. al-Jarrāh.⁵⁵

Berdasarkan hadis di atas, Imam al-Shawkānī⁵⁶ menjelaskan bahawa pendapat Zayd akan menjadi sandaran dalam faraid terutama apabila berlakunya perselisihan. Pandangan beliau diutamakan serta diambil-kira berbanding pandangan sahabat-sahabat yang lain.⁵⁷ Selain itu, hadis tersebut menjadi sandaran ulama untuk mengikut pendapat beliau dalam bidang ini dan dianggap sebagai sebahagian dalil suruhan dan bukannya termasuk dalam kategori *taqlīd* (taklid).

Hadis perakuan Rasulullah SAW terhadap kewibawaan Zayd di dalam bidang ini mempunyai maksud yang mendalam. Antaranya ialah: ⁵⁸

- a) Galakan mempelajari ilmu faraid sebagaimana yang ditunjukkan oleh Zayd kerana ilmu tersebut merupakan satu cabang ilmu fiqh yang sukar dikuasai.
- b) Hadis tersebut merupakan satu bentuk pujian kepada Zayd sepertimana pujian kepada sahabat-sahabat yang lain.
- c) Sasaran hadis adalah untuk satu golongan tertentu bagi menunjukkan satu kelebihan dan bukannya dikhususkan kepada sahabat Rasulullah SAW.
- d) Kesungguhan dan keperihatinan beliau dalam mempelajari ilmu tersebut.
- e) Pengiraan faraid yang dibuat oleh beliau adalah lebih tepat.

⁵⁵ Al-Tirmidhī, *al-Jāmi'*, Kitab al-Manāqib (46), Bāb Manāqib Mu'ādh b. Jabal, Zayd b. Thābit... (32), no: 3790.

⁵⁶ Beliau ialah Muhammad b. 'Alī b. Muḥammad (1173H-1250H/1760M-1834M). Beliau merupakan seorang mujtahid dan *faqīh* di Yaman. Beliau memiliki kewibawaan yang tinggi dalam penulisan dan telah menghasilkan lebih kurang 114 karya seperti *Nayl al-Awtār*, *al-Durrar al-Bahiyah*, *Faṭḥ al-Qadīr*, *Irshād al-Faḥūl* dan lain-lain lagi; al-Ziriklī, Khayr al-Dīn (1997), *op.cit.*, jld. 6, h. 298.

⁵⁷ al-Shawkānī, Muḥammad b. 'Alī (1995), *Nayl al-Awtār*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, jil. 6, h. 60.

⁵⁸ Safwān 'Adnān Dāwudī (1990), *Zayd b. Thābit: Kātib al-Wahy wa Jāmi' al-Qur'ān*, Beirut: Dār al-Qalam, hh. 33-34.



Zayd b.Thābit dan Pendiannya dalam Kes-Kes Farā'id Tertentu

Khalifah 'Umar juga memprakui keilmuan Zayd dalam bidang faraid. Suatu ketika beliau menyampaikan khutbah dan antara isi kandungan teksnya: "Barangsiapa yang ingin bertanya tentang al-Quran maka pergilah berjumpa Ubay b. Ka'ab, dan barangsiapa yang ingin bertanya tentang faraid maka pergilah bertemu Zayd b. Thābit".⁵⁹

Kepakaran dalam bidang ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa Zayd juga seorang yang mahir dalam pengiraan dan matematik. Kesannya, beliau telah dilantik sebagai petugas yang biasanya melibatkan pengiraan seperti mengagihkan harta *ghanimah* dalam peperangan *Khaybar* dan *al-Ja'rānah*, membantu 'Umar dalam pengurusan rekod *al-dīwān* dan bertanggungjawab secara langsung dengan baitulmal semasa pemerintahan khalifah 'Uthmān.⁶⁰

Ilmu-ilmu Lain

Mendalami bahasa-bahasa asing merupakan satu kelebihan yang dimiliki oleh Zayd b. Thābit. Beliau berjaya mempelajari selain bahasa Arab seperti bahasa Siryani dan Farsi dalam tempoh masa yang singkat. Penguasaan beliau bukan sekadar untuk berkomunikasi semata-mata, bahkan juga mahir dalam penulisan menggunakan bahasa-bahasa tersebut. Zayd b. Thābit berkata: "Rasulullah memberitahuku: "telah datang kepadaku kitab-kitab daripada segolongan manusia yang aku tidak suka seorangpun membacanya. Maka, adakah engkau boleh mempelajari bahasa Hebrew dan bahasa Siryani? Aku menjawab: Ya. Lalu aku mendalami kedua-dua bahasa tersebut dalam masa tujuh belas hari".⁶¹ Dalam riwayat lain, beliau berkata: "Apabila Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah, baginda bersabda kepadaku: "Pelajarilah tulisan orang Yahudi, maka sesungguhnya aku tidak mempercayai mereka terhadap kitabku ini. Lantas aku mempelajarinya dalam tempoh yang kurang dari setengah bulan".⁶²

Kedua-dua riwayat ini menjelaskan suruhan dan galakan daripada Rasulullah SAW kepada Zayd untuk mempelajari bahasa asing selain bahasa ibundanya. Selain itu, kecerdikan yang ada pada beliau membolehkan penguasaan dan pembelajaran berlaku dalam tempoh masa yang singkat.

⁵⁹ Ibn Abī Shaybah, 'Abdullāh b. Muḥammad (1989), *al-Kitāb al-Musannaḥ fī al-Aḥādīth wa al-Āthār*, Beirut: Dār Tāj, jld. 6, h. 239.

⁶⁰ Muḥammad Rawwās Qal'ah Jī (1993), *op.cit.*, h. 29-30.

⁶¹ Ibn Sa'ad, Muḥammad b. Sa'ad b. Manī' al-Basrī, *op.cit.*, h. 358.

⁶² *Ibid.*



Pandangan Zayd B. Thābit Dalam Kes-Kes Faraid Tertentu

Penulis akan mengeluarkan pandangan-pandangan Zayd b. Thābit r.a berdasarkan riwayat-riwayat beliau yang menyentuh penyelesaian dalam kes-kes faraid tertentu bagi menunjukkan pendirian dan ijtihad beliau dalam mendepani nas syarak. Ini kerana, permasalahan faraid melibatkan penjelasan yang terperinci (*al-aḥkām al-tafṣīliyyah*) dalam menerangkan hukum hakamnya terutama yang berkaitan dengan agihan bahagian setiap waris-warisi si mati daripada harta pusaka.⁶³ Secara tidak langsung, ia membuktikan ijtihad mempunyai kedudukan yang penting dalam memahami nas walaupun hukum tersebut bersifat terperinci melalui nas syarak yang ada.

Pada dasarnya, pandangan Zayd b. Thābit dalam menyelesaikan kes-kes faraid tertentu seiring dengan beberapa prinsip asas ijtihad para sahabat. Ijtihad tersebut boleh diklasifikasikan kepada beberapa kategori, iaitu:⁶⁴

- i. Ijtihad dalam menerangkan maksud sesuatu nas terutama yang melibatkan maksud yang tidak jelas (*khafī al-dalālah*).
- ii. Ijtihad yang berperanan menyelesaikan pertentangan (*al-ta'āruḍ*) antara dua nas atau lebih.
- iii. Ijtihad yang berbentuk perkaitan antara masalah yang tidak terdapat nas dengan sesuatu masalah yang mempunyai nas disebabkan persamaan dari sudut *'illah*.
- iv. Ijtihad dalam mengaplikasi kaedah-kaedah umum ke atas masalah-masalah yang lebih terperinci di dalamnya dengan mengambilkira *maqāṣid al-sharī'ah*.

Sepanjang sejarah perundangan Islam, terdapat beberapa kes faraid yang dicatatkan sehingga menjadikan kes tersebut terkenal. Kesemua kes-kes tersebut mempunyai nama-nama atau gelaran yang tersendiri. Kebiasaannya, kes tersebut berkait-rapat dengan mereka yang menyelesaikan masalah pengagihan harta pusaka. Selain itu, kes-kes yang biasanya dibincangkan merupakan masalah pengecualian dalam pengiraannya berbanding kaedah pengagihan yang sepatutnya. Secara amnya, kes-kes faraid tertentu yang menjadi perbincangan ulama merujuk kepada dua kategori yang utama:⁶⁵

⁶³ Fokus hukum faraid diterangkan dalam tiga ayat utama yang menjadi sandaran kepada agihan pusaka iaitu ayat 11, 12 dan 176 daripada surah al-Nisā'.

⁶⁴ Alī Muḥammad Mu'awwad & 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd (2000), *Tārīkh al-Tashrī' al-Islāmiyy*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, jld. 1, h. 520.

⁶⁵ Al-Shaykh Muḥammad al-Shammā' (1995), *al-Mufīd min al-Abḥāth fī Aḥkām al-Zawāj wa al-Ṭalāq wa al-Mirāth*. Damshiq: Dār al-Qalam, h. 359-367.



- a) Kategori pertama : kes-kes yang melibatkan pengecualian daripada pengiraan asal yang sepatutnya. Kes-kes utama dalam kategori ini ialah kes *al-musyārakah*⁶⁶, *al-akdariyyah*⁶⁷ dan *al-mālikiyyah*⁶⁸ dan *syibh al-mālikiyyah*.⁶⁹
- b) Kategori kedua : kes-kes khas yang mempunyai nama atau gelaran tertentu seperti *al-gharrāwān*⁷⁰, *al-minbariyyah*⁷¹, *al-dīnariyyah*⁷², *umm al-farūkh*⁷³, *umm al-arāmil*⁷⁴, *al-kharqā*⁷⁵, *al-yatīmatān*⁷⁶, *al-mubāhalah*⁷⁷, *al-marwāniyyah*⁷⁸, *al-ma'mūniyyah*⁷⁹. Kes-kes kategori ini juga melibatkan setiap masalah yang melibatkan pengiraan khas bagi situasi tertentu seperti

⁶⁶ Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu, saudara-saudara seibu (dua orang dan lebih) dan saudara (lelaki dan perempuan) seibu sebapa.

⁶⁷ Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu, datuk dan saudara perempuan seibu sebapa atau sebapa.

⁶⁸ Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu, datuk, saudara-saudara seibu dan seorang saudara lelaki sebapa.

⁶⁹ Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu, datuk, saudara-saudara seibu dan seorang saudara seibu sebapa.

⁷⁰ Kes ini melibatkan dua situasi iaitu si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu dan bapa atau si mati yang meninggalkan waris iaitu isteri, ibu dan bapa.

⁷¹ Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu isteri, dua orang anak perempuan, ibu dan bapa.

⁷² Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu isteri, ibu, dua orang anak perempuan, dua belas saudara seibu sebapa dan seorang saudara perempuan seibu sebapa.

⁷³ Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu, empat orang saudara perempuan seibu dan dua orang saudara perempuan seibu sebapa.

⁷⁴ Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu tiga orang isteri, dua orang nenek yang sama kedudukan, empat orang saudara perempuan seibu dan lapan orang saudara perempuan seibu sebapa.

⁷⁵ Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu ibu, datuk dan seorang saudara perempuan seibu sebapa atau sebapa.

⁷⁶ Kes ini melibatkan dua keadaan; pertama: si mati yang meninggalkan waris iaitu suami dan seorang saudara perempuan seibu sebapa, kedua: si mati meninggalkan suami dan seorang saudara perempuan sebapa.

⁷⁷ Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu dan seorang saudara perempuan seibu sebapa.

⁷⁸ Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami dan enam orang saudara perempuan daripada semua pangkat (2 orang seibu sebapa, 2 orang sebapa dan 2 orang seibu).

⁷⁹ Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu bapa, ibu dan dua orang anak perempuan. Kemudian salah seorang anak perempuan meninggal dunia dan meninggalkan waris-waris yang lain.



kes anak zina, anak *li'ān*, kematian serentak, *khunthā* dan *al-mafqūd* (mereka yang menghilangkan diri tanpa berita).

a. Kes *al-Musyārakah*

Kes pusaka ini disebut juga dengan *al-musytarakah*. Antara nama yang popular tentang kes ini ialah *al-'umariyyah*, *al-ḥajariyyah*, *al-yamiyyah* dan *al-ḥimariyyah*.⁸⁰ Masalah ini berlaku apabila si mati seorang perempuan dan meninggalkan suami, ibu, dua orang atau lebih saudara-saudara seibu sama ada lelaki atau perempuan dan saudara-saudara (lelaki dan perempuan) seibu bapa. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat saudara-saudara perempuan seibu sebapa sahaja pada tempat saudara lelaki seibu sebapa maka masalah *al-musytarakah* tidak akan berlaku.

Pengiraan asal faraid ialah suami akan memperolehi 1/2 (menyamai 3/6), bahagian ibu 1/6 (menyamai 1/6) dan saudara-saudara seibu mendapat 1/3 (menyamai 2/6) dan tiada bahagian untuk saudara-saudara lelaki seibu sebapa sebagai *'aṣabah* kerana tidak ada lebihan baki.⁸¹

Walaupun bagaimanapun, Zayd b. Thābit berpendapat saudara-saudara seibu akan berkongsi dengan saudara-saudara seibu sebapa. Ini kerana, saudara-saudara seibu sebapa juga mempunyai ikatan yang kuat dengan ibunya. Justeru, mereka akan mendapat bahagian yang sama dengan tidak membezakan bahagian lelaki atau perempuan. Ibn Dhakwān berkata: “Sesungguhnya Zayd telah memutuskan bahagian secara berkongsi kepada saudara-saudara seibu jika bersamanya saudara-saudara (lelaki dan perempuan) seibu sebapa”.⁸²

⁸⁰ Al-Baqarī, 'Umar, *Ḥashiyyah sabt al-Mārdīnī 'alā al-raḥabiyyah*, h. 94-96. *Al-'umariyyah* dinisbahkan kepada saidina 'Umar yang berhadapan dengan masalah ini apabila berlaku tuntutan daripada saudara seibu sebapa. Manakala *al-ḥajariyyah*, *al-yamiyyah* dan *al-ḥimariyyah* adalah antara andaian-andaian yang digunakan oleh saudara-saudara seibu sebapa semasa mengemukakan hujah mereka. Semua andaian tersebut digunakan bertujuan supaya melupakan sebentar kedudukan bapa dengan menyamakan seperti keldai atau seketul batu yang dicampakkan ke dalam laut. Ia juga digunakan bagi mensabitkan hubungan yang sama di sebelah ibu.

⁸¹ Ibn Rushd, Muḥammad b. Aḥmad, *Bidāyah Al-Mujtahid Wa Nihāyat Al-Muqtasid*, jld. 5, h. 391. Kaedah penyelesaian asal ini telah digunakan oleh 'Alī, Ibn Mas'ūd, Ubay b. Ka'ab b. 'Abbās dan Abū Mūsā dari kalangan sahabat dan diikuti oleh Imam Abū Ḥanīfah, Ibn Abī Laylā, Aḥmad, Abū Thawr dan Dāwūd.

⁸² Al-Dārimī, 'Abdullāh b. 'Abd al-Raḥmān, *Sunan al-Dārimī*, jld. 2, h. 805.



Zayd b.Thābit dan Pendiannya dalam Kes-Kes Farā'id Tertentu

Oleh itu, apabila si mati meninggalkan suami, ibu, dua orang saudara lelaki seibu dan seorang saudara lelaki seibu sebapa, maka bahagian yang diperolehi ialah suami mendapat $1/2$ (menyamai $3/6$), ibu mendapat $1/6$ (menyamai $1/6$) dan kesemua saudara tersebut berkongsi $1/3$ (menyamai $2/6$). Seterusnya, asal masalah didarabkan dengan tiga iaitu mengikut bilangan individu yang berkongsi tersebut. Bahagian terakhir yang diperolehi semua waris ialah suami mendapat $9/18$, ibu mendapat $3/18$, dua orang saudara lelaki seibu mendapat $4/18$ ($2/18$ seorang) dan saudara lelaki seibu sebapa $2/18$ (lihat Jadual 1).

Jadual 1: Penyelesaian Zayd dalam kes *al-musyārah*

Waris	Penyelesaian Faraid		
	Kadar <i>farḍ</i>	Saham	<i>Taşḥīḥ</i>
Ibu	$1/6$	$1/6$	$1 \times 3 = 3$
Suami	$1/2$	$3/6$	$3 \times 3 = 9$
2 saudara lelaki seibu	$1/3$	$2/6$	$2 \times 3 = 6$
Seorang saudara lelaki seibu sebapa	<i>‘Aṣabah</i>		4
Jumlah (Asal masalah)		$6/6$	$6 \times 3 = 18$

Masalah pengecualian ini hanya melibatkan waris-waris yang disebut sebelum ini dan berlaku dengan beberapa syarat iaitu:⁸³

- i. Saudara-saudara seibu sama ada lelaki atau perempuan hendaklah dua orang atau lebih.
- ii. Perkongsian di antara saudara seibu dan saudara seibu sebapa. Sekiranya tempat saudara seibu sebapa digantikan dengan saudara sebapa maka masalah ini tidak akan wujud.
- iii. Saudara seibu sebapa hendaklah seorang lelaki. Jika hanya terdapat saudara perempuan sahaja maka bahagiannya akan diperolehi secara *farḍu*.

Pendapat Zayd ini juga turut dikemukakan oleh ‘Umar, ‘Uthmān dan diikuti oleh Imam Mālik, al-Shāfi‘ī dan al-Thawrī⁸⁴. Ijtihad yang dikemukakan melihat kepada asas

⁸³ Al-Sābūnī, Muḥammad ‘Alī, *Al-Mawārīth Fī Al-Sharī‘ah Al-Islāmiyyah*, h. 91.

⁸⁴ Ibn Rusyd, Muḥammad b. Aḥmad (t.t), *Bidāyah al-Mujtahid Wa Nihāyat Al-Muqtasid*, jil. 5, h. 391.



hubungan nasab dan kerabat merupakan ikatan yang penting dalam sistem kekeluargaan Islam. Selain itu, perkongsian bersama tersebut menunjukkan tugas dan peranan saudara lelaki bagi meneruskan kelangsungan tanggungjawab terhadap ibu yang sama dan masih hidup.

b. Kes *al-Kharqā'*

Kes ini melibatkan persaingan antara datuk dan saudara-saudara dalam menerima pusaka. Ia diberi gelaran *al-kharqā'*⁸⁵ kerana terdapat banyak pendapat ulama terutama para sahabat yang cuba menyelesaikannya sehingga memeningkan dan menjadi sukar dan diandaikan seperti kain yang berlubang. Antara sahabat yang menyelesaikan masalah ini ialah Abū Bakar, Zayd, 'Alī, 'Umar, Ibn Mas'ūd dan 'Uthmān. Terdapat juga beberapa gelaran lain yang merujuk kepada kes ini seperti *al-musaddasah*, *al-'Uthmāniyyah*, *muthallathah* 'Uthmān, *murabba'ah Ibn Mas'ūd*, *Mukhammasah al-Sha'bī* dan *musaddasah al-Siddīq*.⁸⁶

Jadual 2: Penyelesaian Zayd dalam kes *al-kharqā'*

Waris	Penyelesaian Faraid		
	Kadar <i>farḍ</i>	Saham	<i>Taşḥīḥ</i>
Ibu	1/3	1/3	1 x 3 = 3
Datuk	' <i>asabah</i>	2/3	2 x 3 = 6
Seorang saudara perempuan seibu sebapa / sebapa			4
Jumlah (Asal masalah)		3/3	3 x 3 = 9

Kes ini berlaku apabila seorang perempuan mati dan meninggalkan waris iaitu datuk, ibu dan saudara perempuan seibu sebapa atau sebapa. Menurut Zayd, penyelesaian bagi kes ini ialah ibu mendapat 1/3 dan selebihnya akan di kongsi oleh datuk dan saudara perempuan berdasarkan nisbah 1:2 iaitu secara '*asabah bi al-ghayr*. Jumlah nisbah tersebut akan didarabkan dengan asal masalah. Oleh itu bahagian semua waris

⁸⁵ Ibrāhīm Anīs et al., *al-Mu'jam al-Wasīṭ*, h. 229. Dari sudut bahasa ia bermaksud lubang dan koyakan.

⁸⁶ al-Sibā'ī Mustafā (1997), *Syarḥ Qānūn al-Aḥwāl al-Shakhsīyyah*, Beirut: al-Maktab al-Islām, h. 181.



Zayd b. Thābit dan Pendiannya dalam Kes-Kes Farā'id Tertentu

ialah bahagian ibu menyamai $\frac{3}{9}$, bahagian datuk menyamai $\frac{4}{9}$ dan bahagian saudara perempuan seibu sebapa atau sebapa menyamai $\frac{2}{9}$ (lihat jadual 2 di atas).⁸⁷

Al-Sha‘bī meriwayatkan berkaitan penyelesaian Zayd dalam kes ini ialah: “Sesungguhnya Zayd menjadikan asal masalah ialah sembilan. Ibu mendapat tiga bahagian, datuk mendapat empat bahagian dan saudara perempuan mendapat dua bahagian”.⁸⁸ Pendapat Zayd ini telah diguna dan dijadikan sandaran kepada mazhab Shāfi‘ī, Mālikī dan Ḥanbalī.

Terdapat juga penyelesaian kes ini berdasarkan pendapat sahabat-sahabat lain selain Zayd b. Thābit r.a. Pandangan mereka adalah seperti berikut:⁸⁹

- i. Menurut Abū Bakar: ibu mendapat $\frac{1}{3}$ dan selebihnya adalah bahagian datuk.
- ii. Menurut ‘Alī: saudara perempuan mendapat $\frac{1}{2}$, ibu mendapat $\frac{1}{3}$ dan datuk mendapat $\frac{1}{6}$.
- iii. Menurut ‘Umar dan ‘Abdullāh b. ‘Umar: saudara perempuan mendapat $\frac{1}{2}$, ibu mendapat $\frac{1}{3}$ baki dan bakinya kepada datuk.
- iv. Menurut Ibn Mas‘ūd: ibu mendapat $\frac{1}{6}$ dan bakinya kepada datuk. Pendapat keduanya ialah saudara perempuan mendapat $\frac{1}{2}$ dan bakinya dibahagi dua antara datuk dan ibu.
- v. Menurut ‘Uthmān: pusaka dibahagi tiga untuk diagihkan kepada semua waris.

Kepelbagaian pendapat dalam masalah ini menunjukkan kes faraid merupakan masalah yang rumit dan memerlukan ijtihad dalam pengagihan yang lebih adil. Dalam kes ini, Zayd melihat semua waris berhak mendapat pusaka si mati. Hubungan langsung dengan si mati iaitu ibu tetap diutamakan bahagiannya, manakala status datuk dan saudara perempuan menerima secara *ta‘ṣīb* kerana kedudukannya melalui perantara dengan si mati tanpa menafikan hak keduanya. Status datuk sebagai waris lelaki yang masih hidup akan menerima agihan yang lebih berbanding saudara perempuan sesuai dengan prinsip pelaksanaan *‘aṣabah* dalam agihan pusaka iaitu dua bahagian untuk lelaki dan satu bahagian untuk perempuan.

⁸⁷ Yāsīn Aḥmad Ibrāhīm Darādīkah (1986), *al-Mirāth fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, Mu’assasat al-Risālah, h. 348.

⁸⁸ Ibn Abī Shaybah, ‘Abdullāh b. Muḥammad (1989), *op.cit.*, h. 263.

⁸⁹ Yāsīn Aḥmad Ibrāhīm Darādīkah (1986), *op.cit.*, h. 348.





c. Kes *al-Akdariyyah*

Kes ini melibatkan pengiraan semula antara bahagian datuk dan saudara perempuan. Kekeliruan dalam pengiraan semula yang lari dari kaedah pembahagian asal merupakan salah satu faktor dinamakan kes ini dengan *al-akdariyyah*.⁹⁰ Gelaran tersebut merujuk kepada kes kematian seorang jenazah yang asal keturunan keluarganya disebut sebagai *akdar* iaitu salah satu nama kabilah Arab mengikut pendapat yang paling kuat.⁹¹ Situasi kes ini ialah apabila seorang perempuan mati dan meninggalkan waris iaitu suami, ibu, datuk dan saudara perempuan seibu sebapa atau saudara perempuan sebapa. Dalam kes ini sahaja yang menentukan bahagian saudara perempuan secara *farḍū* apabila bersamanya datuk. Mengikut pendapat asal Zayd, kedudukan saudara perempuan sekiranya terdapat bersamanya datuk ialah memperoleh harta pusaka secara *‘aşabah*.

Pada asalnya, bahagian setiap waris ialah suami mendapat $\frac{1}{2}$ (menyamai $\frac{3}{6}$), ibu mendapat $\frac{1}{3}$ (menyamai $\frac{2}{6}$) dan datuk mendapat $\frac{1}{6}$ (menyamai $\frac{1}{6}$). Oleh itu, tiada lebih baki yang diperolehi oleh saudara perempuan seibu sebapa atau sebapa. Ini adalah berdasarkan kaedah agihan Zayd dalam masalah yang melibatkan datuk dan saudara seibu sebapa atau sebapa. Disebabkan baki selepas bahagian waris lain ialah $\frac{1}{6}$, maka kadar tersebut adalah pilihan yang terbaik bagi datuk. Ini kerana, pilihan yang lain tidak menguntungkannya iaitu sekiranya pengagihan dibuat secara berkongsi maka datuk hanya mendapat $\frac{2}{3}$ daripada $\frac{1}{6}$. Dan sekiranya bahagian datuk ialah secara $\frac{1}{3}$ baki, maka nilai yang diterima adalah sangat sedikit iaitu $\frac{1}{3}$ daripada $\frac{1}{6}$.⁹²

Walau bagaimanapun, berlaku rombakan dan pengecualian daripada kaedah asal iaitu dengan menentukan kadar saudara perempuan secara *farḍ*. Masalah ini juga menyebabkan berlakunya *‘awl*. Penyelesaiannya ialah suami mendapat $\frac{1}{2}$ (menyamai $\frac{3}{9}$), bahagian ibu $\frac{1}{3}$ (menyamai $\frac{2}{9}$), bahagian datuk $\frac{1}{6}$ (menyamai $\frac{1}{9}$) dan bahagian saudara perempuan seibu sebapa atau sebapa $\frac{1}{2}$ (menyamai $\frac{3}{9}$). Dalam hal ini, bahagian datuk adalah kurang daripada saudara perempuan tersebut, bahkan kurang daripada $\frac{1}{6}$. Oleh itu, datuk akan mengubah bahagian saudara perempuan selepas menerima saham masing-masing. Bahagian yang diperolehi antara datuk dan saudara perempuan dikumpul semula dan kadar nisbah keduanya akan didarabkan

⁹⁰ Ibrāhīm Anīs *et al.*, *al-Mu‘jam al-Wasīṭ*, h. 779. Terdapat beberapa riwayat yang menyebut punca kes ini digelar dengan *al-akdariyyah*. Perkataan *al-akdariyyah* dari sudut bahasa bermaksud keruh dan mengotorkan.

⁹¹ al-Baqarī, ‘Umar, *Hashiyyah Sabt al-Mārdīnī ‘alā al-Raḥabiyyah*, h. 109.

⁹² *Ibid.*, h. 248.





Zayd b. Thābit dan Pendiannya dalam Kes-Kes Farā'id Tertentu

dengan nilai asal untuk diagihkan secara *ta'şīb* iaitu bahagian lelaki menyamai dua bahagian perempuan. Penerimaan terakhir bagi semua waris ialah bahagian suami (9/27), ibu (6/27), datuk (8/27) dan saudara perempuan (4/27) (lihat Jadual 3).⁹³

Jadual 3: Penyelesaian Zayd dalam kes *al-akdariyyah*

Waris	Penyelesaian Faraid		
	Kadar <i>farḍ</i>	Saham	<i>Taşhīḥ</i>
Ibu	1/3	2/6	2 x 3 = 6
Suami	1/2	3/6	3 x 3 = 9
Datuk	1/6	1/6	4 x 3 = 12
Seorang saudara perempuan seibu sebapa	1/2	3/6	
Jumlah (Asal masalah)		9/6 (<i>ʿAwl</i>)	9 x 3 = 27

Daripada Ibrāhīm berkata: “Zayd telah menjadikan asal masalah bagi kes ini (*al-akdariyyah*) ialah sembilan. Tiga bahagian untuk suami, tiga bahagian untuk saudara perempuan, dua bahagian untuk ibu dan satu bahagian untuk datuk. Kemudian, kesemuanya didarabkan dengan tiga dan jumlahnya ialah 27. Bahagian suami ialah sembilan, bahagian ibu sebanyak enam, dan bakinya iaitu 12 akan diserahkan kepada datuk sebanyak lapan bahagian dan saudara perempuan mendapat empat bahagian”.⁹⁴ Penyelesaian kes ini menurut pandangan sahabat lain selain Zayd b. Thābit r.a. ialah:⁹⁵

- i. Menurut Abū Bakar dan Ibn ‘Abbās: suami mendapat 1/2, ibu mendapat 1/3, selebihnya iaitu 1/6 adalah bahagian datuk. Saudara tidak mendapat apa-apa bahagian pewarisan.
- ii. Menurut ‘Umar dan Ibn Mas‘ūd: suami mendapat 1/2, saudara perempuan mendapat 1/2, ibu mendapat 1/6 dan datuk mendapat 1/6.

d. Kes *al-Mu‘āddah*

Kes ini juga berkait-rapat dengan masalah persaingan antara datuk dan saudara seibu sebapa dan sebapa sama ada lelaki atau perempuan untuk menerima agihan pusaka.

⁹³ Yāsīn Aḥmad Ibrāhīm Darādīkah (1986), *op.cit.*, h. 350-351.

⁹⁴ Ibn Abī Shaybah, ‘Abdullāh b. Muḥammad (1989), *op.cit.*, h. 262.

⁹⁵ Yāsīn Aḥmad Ibrāhīm Darādīkah (1986), *op.cit.*, h. 350-351.



Kebiasaannya, kes ini melibatkan datuk, saudara perempuan seibu sebapa dan saudara lelaki atau perempuan sebapa sama ada bersama mereka terdapat waris *aṣḥāb al-furūd* lain atau tidak. Tuntutan semula bahagian saudara perempuan seibu sebapa daripada bahagian saudara sebapa sama ada lelaki atau perempuan menyebabkan kes-kes tersebut digelar sebagai *al-mu'āddah*⁹⁶ yang bermaksud dikembalikan.

Terdapat empat kes *al-mu'āddah* yang digelar dengan *al-zaydiyyāt al-arba'*. Persamaan antara keempat-empat kes tersebut ialah kesemuanya meninggalkan datuk dan seorang saudara perempuan seibu sebapa. Kes-kes *al-zaydiyyāt al-arba'* adalah seperti berikut⁹⁷:

i) *al-'Asyariyyah*:

Masalah ini timbul apabila si mati meninggalkan datuk, saudara perempuan seibu sebapa dan saudara lelaki sebapa. Dalam kes ini, bahagian datuk secara berkongsi dengan saudara-saudara tersebut adalah lebih menguntungkannya. Jumlah asal masalah ialah lima kerana bahagian datuk ialah $\frac{2}{5}$, saudara perempuan seibu sebapa mendapat $\frac{1}{5}$ dan saudara lelaki sebapa mendapat $\frac{2}{5}$.

Bahagian saudara lelaki sebapa kemudiannya dikembalikan kepada saudara perempuan seibu sebapa bagi mencukupkan bilangan $\frac{1}{2}$ seperti kadar *farḍ* yang asal. Oleh itu, kadar yang diperolehi oleh setiap waris ialah datuk sebanyak $\frac{2}{5}$ (menyamai $\frac{4}{10}$), saudara perempuan seibu sebapa sebanyak $\frac{1}{2}$ (menyamai $\frac{5}{10}$) dan bakinya iaitu $\frac{1}{10}$ diberikan kepada saudara lelaki sebapa (lihat Jadual 4).

Jadual 4: Penyelesaian Zayd dalam *al-'ashariyyah*

Waris	Penyelesaian Faraid		
	Kadar <i>farḍ</i>	Saham	<i>Taṣḥīḥ</i>
Datuk	<i>Muqāsamah</i>	$\frac{2}{5}$	$2 \times 2 = 4$
Saudara perempuan seibu sebapa		$\frac{1}{5}$	$\frac{1}{2}$ (<i>farḍ</i>) 5
Saudara lelaki sebapa		$\frac{2}{5}$	baki 1
Jumlah (Asal masalah)		$\frac{5}{5}$	$5 \times 2 = 10$

⁹⁶ Ibrāhīm Anīs *et al.*, *op.cit.*, h. 634. Ia diambil daripada perkataan '*āda* yang bermaksud kembali dan pemulangan.

⁹⁷ Jum'ah Muḥammad Barrāj, *Aḥkām al-Mirāth fī al-syarī'ah al-Islāmiyyah*, h. 633-635.



Zayd b.Thābit dan Pendiannya dalam Kes-Kes Farā'id Tertentu

Al-Sya' bī meriwayatkan kes ini, daripada Zayd berpendapat: “Asal masalah daripada sepuluh; empat bahagian untuk datuk, empat bahagian untuk saudara lelaki sebapa dan dua bahagian untuk saudara perempuan. Kemudian dikembalikan bahagian yang diperolehi oleh saudara lelaki kepada saudara perempuan sebanyak tiga bahagian bagi mencukupkan 1/2 dan bakinya iaitu satu bahagian adalah miliknya”.⁹⁸

ii) *Al-'Isyrīniyyah* :

Kes ini berlaku apabila si mati meninggalkan waris iaitu datuk, saudara perempuan seibu sebapa dan dua orang saudara perempuan sebapa. Bahagian yang menguntungkan datuk ialah dengan mewarisinya secara berkongsi.

Jumlah asal masalah dalam kes ini ialah lima kerana bahagian datuk ialah 2/5, saudara perempuan seibu sebapa mendapat 1/5 dan dua orang saudara perempuan sebapa mendapat 2/5. Bahagian saudara perempuan sebapa kemudiannya dikembalikan kepada saudara perempuan seibu sebapa bagi mencukupkan bilangan 1/2 seperti kadar *farḍ* yang asal. Jumlah asal masalah yang paling minima ialah dua puluh. Oleh yang demikian, kadar yang diperolehi oleh setiap waris ialah datuk sebanyak 2/5 (menyamai 8/20), saudara perempuan seibu sebapa sebanyak 1/2 (menyamai 10/20) dan bakinya iaitu 2/20 diberikan kepada dua orang saudara perempuan sebapa (1/20 seorang) (lihat Jadual 5).

Jadual 5: Penyelesaian Zayd dalam *al-'ishrīniyyah*

Waris	Penyelesaian Faraid		
	Kadar <i>farḍ</i>	Saham	<i>Taḥḥīl</i>
Datuk	<i>Muqāsamah</i>	2/5	2 x 4 = 8
Saudara perempuan seibu sebapa		1/5	1/2 (<i>farḍ</i>) 10
2 Saudara perempuan sebapa		2/5	baki 2
Jumlah (Asal masalah)		5/5	5 x 4 = 20

Dalam hal ini, Ibrāhīm dan al-Sha' bī meriwayatkan daripada Zayd: “Bahagian datuk ialah 2/5 dan saudara-saudara perempuan masing-masing mendapat 1/5. Kemudian bahagian saudara-saudara perempuan sebapa dikembalikan kepada saudara perempuan seibu sebapa bagi mencukupkan 1/2 dan lebihannya adalah untuk mereka”.⁹⁹

⁹⁸ Muḥammad Rawwās Qal'ah Jī (1993), *op.cit.*, h. 221.

⁹⁹ Al-Bayhaqī, Abū Bakar Aḥmad b. al-Ḥusayn, *al-Sunan al-kubrā*, h. 411.



iii) *al-Mukhtasarah* :

Situasi kes ini ialah apabila seorang perempuan meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu datuk, ibu, saudara perempuan seibu sebapa, saudara lelaki dan saudara perempuan sebapa. Dalam kes ini, datuk mempunyai pilihan untuk mendapat bahagian yang menguntungkan iaitu secara berkongsi atau $\frac{1}{3}$ baki selepas diagihkan kepada ibu. Ini kerana, kedua-dua cara tersebut mempunyai bahagian yang sama. Kedudukan saudara-saudara sebapa tetap dikira terlebih dahulu dan kemudiannya barulah bahagiannya dikembalikan kepada saudara perempuan seibu sebapa untuk mencukupkan $\frac{1}{2}$.

Pengiraan asal masalah ialah 6 dan kemudiannya didarabkan enam iaitu mewakili jumlah bahagian antara datuk dan saudara-saudara seibu sebapa dan sebapa. Oleh itu bahagian yang diperolehi waris-waris ialah ibu mendapat $\frac{1}{6}$ (menyamai $\frac{6}{36}$), datuk mendapat $\frac{1}{3}$ baki (menyamai $\frac{10}{36}$), saudara perempuan seibu sebapa mendapat $\frac{1}{2}$ (menyamai $\frac{18}{36}$) dan saudara-saudara sebapa mendapat bakinya (menyamai $\frac{2}{36}$). Seterusnya, keseluruhan bahagian didarabkan dengan tiga supaya bahagian yang diperolehi oleh saudara-saudara sebapa adalah sempurna secara ‘*aṣabah*’.¹⁰⁰

Hasil bahagian setiap waris adalah seperti berikut; ibu ($\frac{18}{108}$), datuk ($\frac{30}{108}$), saudara perempuan seibu sebapa ($\frac{54}{108}$), saudara lelaki sebapa ($\frac{4}{108}$) dan saudara perempuan sebapa ($\frac{2}{108}$). Walau bagaimanapun, kadar yang diterima dikecilkan dan dipermudahkan dengan membahagikannya kepada dua. Justeru, kadar terakhir yang diperolehi ialah ibu ($\frac{9}{54}$), datuk ($\frac{15}{54}$), saudara perempuan seibu sebapa ($\frac{27}{54}$),

Jadual 6: Penyelesaian Zayd dalam *al-mukhtasarah*

Waris	Penyelesaian Faraid				
	Kadar <i>farḍ</i>	Saham		<i>Taṣḥīḥ</i>	
Ibu	$\frac{1}{6}$	6		$6 \times 3 = 30$ $30 \div 2 = 15$	
Datuk	$\frac{1}{3}$ baki	10		$6 \times 3 = 18$ $18 \div 2 = 9$	
Saudara perempuan seibu sebapa	<i>muqāsamah</i>	$\frac{1}{2}$	18	$18 \times 3 = 54$ $54 \div 2 = 27$	
Saudara lelaki sebapa		Baki 1:2	2	$2 \times 3 = 6$	4 $4 \div 2 = 2$
Saudara perempuan sebapa				2	$2 \div 2 = 1$
Jumlah (Asal masalah)		36		$36 \times 3 = 108$ $108 \div 2 = 54$	

¹⁰⁰ Al-Nawawī, Yaḥyā b. Sharf, *Rawḍah al-Ṭālibīn*, h. 85.



saudara lelaki sebapa (2/54) dan saudara perempuan sebapa (1/54) (lihat Jadual 6).¹⁰¹ Proses memudahkan kepada nilai terkecil bagi keseluruhan pengagihan menyebabkan kes ini digelar dengan *al-mukhtasarah*.¹⁰²

iv) *al-Tis'inniyyah* :

Kes ini berlaku apabila seorang lelaki meninggalkan waris iaitu ibu, datuk, seorang saudara perempuan seibu sebapa, dua orang saudara lelaki sebapa dan seorang saudara perempuan sebapa. Dalam kes ini, kadar yang menguntungkan datuk ialah 1/3 baki selepas diagihkan kepada ibu.

Asal masalah dalam kes ini iaitu enam perlu didarabkan dengan tiga yang merupakan tiga waris yang sama kedudukannya selain ibu. Oleh itu, bahagian yang diperolehi ialah ibu mendapat 1/6 (menyamai 3/18), datuk mendapat 1/3 baki (menyamai 5/18), saudara perempuan seibu sebapa mendapat 1/2 (menyamai 9/18 selepas diperolehi daripada saudara-saudara sebapa bagi mencukupkan 1/2) dan bakinya 1/18 dikongsi secara 'asabah oleh saudara-saudara sebapa. Seterusnya, keseluruhan bahagian didarabkan dengan lima yang mewakili bahagian saudara-saudara sebapa sama ada lelaki dan perempuan.¹⁰³

Jadual 7: Penyelesaian Zayd dalam *al-tis'inniyyah*

Waris	Penyelesaian Faraid				
	Kadar farḍ	Saham		Taşḥīḥ	
Ibu	1/6	3		3 x 5 = 15	
Datuk	1/3 baki	5		5 x 5 = 25	
Saudara perempuan seibu sebapa	<i>muqāsamah</i>	1/2	9	9 x 5 = 45	
2 orang saudara lelaki sebapa		Baki 1:2	1	1 x 5 = 5	4
Saudara perempuan sebapa					1
Jumlah (Asal masalah)		18		18 x 5 = 90	

¹⁰¹ Ibn Qudāmah, *op.cit*, h. 459.

¹⁰² Ibrāhīm Anīs et al., *op.cit*, h. 237. *Al-Mukhtasarah* dari sudut bahasa bererti ringkas dan memendekkan.

¹⁰³ al-Nawawī, Yaḥyā b. Sharf, *op.cit*.





Kadar terakhir yang diperolehi oleh setiap waris ialah ibu (15/90), datuk (25/90), saudara perempuan seibu sebapa (45/90), dua orang saudara lelaki sebapa (4/90 menyamai 2/90 seorang) dan saudara perempuan seibu (1/90) (lihat Jadual 7).

Kempat-empat kes di atas menunjukkan bahagian yang diperolehi oleh setiap saudara-saudara sebapa sama ada lelaki atau perempuan akan dipulangkan semula kepada saudara perempuan seibu sebapa selepas dikira bersama-sama dalam pengiraan. Ia dikembalikan bagi tujuan mencukupkan bahagian saudara perempuan seibu sebapa sebanyak 1/2 sekiranya seorang dan 2/3 sekiranya dua orang atau lebih.

Walau bagaimanapun, dalam keempat-empat kes yang disandarkan mengikut pengiraan Zayd ini hanya melibatkan seorang sahaja saudara perempuan seibu sebapa. Kes-kes ini juga menunjukkan bahawa setiap saudara-saudara sebapa tetap mendapat bahagian yang berbaki selepas dikembalikan bahagian sepatutnya kepada saudara perempuan seibu sebapa.¹⁰⁴

Secara umumnya, gelaran dalam kes-kes *al-zaydiyyāt al-arbaʿ* merujuk kepada nilai asal masalah iaitu *al-ʿashariyyah* (10), *al-ʿishrīniyyah* (20), *al-tisʿīniyyah* (90). Manakala, *al-mukhtaṣarah* pula ialah gelaran yang diberi kerana proses memudahkan pengiraan dan asal masalah kepada nilai terkecil.

e. Kes *al-Ḥamziyyah*

Kes ini melibatkan si mati dan meninggalkan waris iaitu datuk, tiga orang nenek yang sama kedudukannya (ibu kepada ibu kepada ibu, ibu kepada ibu kepada bapa dan ibu kepada bapa kepada bapa) dan tiga saudara perempuan dari setiap kategori (seibu sebapa, sebapa dan seibu).

Penyelesaian mengikut pendapat Zayd adalah nenek-nenek akan mendapat 1/6 dan bakinya dikongsi antara datuk dan saudara-saudara perempuan. Namun, saudara perempuan seibu akan terdinding (*ḥajb*) disebabkan kewujudan datuk.

Dalam hal ini, asal masalah iaitu enam akan didarabkan dengan tiga (bilangan nenek) dan kemudiannya didarabkan dengan empat (bilangan jumlah bahagian antara datuk dan dua orang saudara perempuan). Seterusnya, bahagian saudara perempuan sebapa akan dikembalikan kepada saudara perempuan seibu sebapa yang menyebabkan tiada

¹⁰⁴ Mustafā al-Khin (1987), *al-Fiqh al-Manhajī ʿalā Madhhab al-Shāfiʿī*, Damshiq: Dār al-Qalam, jld. 5, h. 121-124.



baki untuknya kerana telah dihabiskan oleh saudara perempuan seibu sebabanya. Bahkan bahagian yang diperolehi oleh saudara perempuan seibu sebaapa tidak mencukupi 1/2 mengikut kadar asal secara *farḍ*.

Oleh itu bahagian yang akan diperolehi oleh semua waris ialah tiga orang nenek (12/72 menyamai 4/72 seorang), datuk (30/72) dan saudara perempuan seibu sebaapa (30/72). Kesemua kadar tersebut boleh dikecilkan iaitu kesemua nenek mendapat 6/36 (2/36 seorang), datuk mendapat 15/36 dan saudara perempuan seibu sebaapa (15/36) (lihat Jadual 8).¹⁰⁵

Jadual 8: Penyelesaian Zayd dalam kes *al-Hamziyyah*

Waris	Penyelesaian Faraid				
	Kadar <i>farḍ</i>	Saham	<i>Taşḥīḥ</i>		
3 orang nenek	1/6	1/6	1 x (4 x 3) = 12	12 ÷ 2 = 6	
Datuk	^c <i>Aṣabah</i>	5/6	5 x (4 x 3) = 60	30	30 ÷ 2 = 15
Saudara perempuan seibu sebaapa				30	30 ÷ 2 = 15
Saudara perempuan sebaapa				Dikembalikan kepada saudara perempuan seibu sebaapa	
Saudara perempuan seibu	<i>Mahjūb</i> (terdinding daripada pewarisan)				
Jumlah (Asal masalah)		6/6	6 x (4 x 3) = 72	72 ÷ 2 = 36	

Penyelesaian kes ini menurut sahabat-sahabat lain selain Zayd b. Thābit r.a. ialah:¹⁰⁶

- i. Pendapat Abū Bakar r.a. dan Ibn ‘Abbās r.a: nenek mendapat 1/6 dan bakinya adalah bahagian datuk yang diambil secara *‘aṣabah*. Tiada bahagian untuk saudara-saudara perempuan kerana terhalang dengan kewujudan datuk.
- ii. Pendapat ‘Alī r.a. : bahagian nenek-nenek ialah 1/6, saudara perempuan seibu sebaapa mendapat 1/2, saudara perempuan sebaapa mendapat 1/6 bagi mencukupkan 2/3 dan bakinya adalah bahagian datuk.

¹⁰⁵ Yāsīn Aḥmad Ibrāhīm Darādīkah (1986), *op.cit.*, h. 352.

¹⁰⁶ *Ibid.*

f. Kes Anak Zina dan *Li'ān*

Zina merupakan satu bentuk jenayah menurut syarak. Kesalahan ini boleh diertikan sebagai memasukkan kemaluan lelaki ke dalam kemaluan perempuan oleh seorang mukallaf secara sukarela dan mengetahui pengharaman perbuatan tersebut tanpa ikatan perkahwinan yang sah dan kesamaran hak milik.¹⁰⁷ Oleh itu, zuriat yang lahir hasil hubungan tersebut dianggap sebagai anak zina.

Li'ān pula ialah dakwaan di antara pasangan berkahwin untuk menyelamatkan diri masing-masing daripada melakukan kesalahan. Ia bermaksud penyaksian yang diperkukuhkan dengan sumpah beserta laknat untuk menjadi pertahanan bagi pasangan yang berkahwin. Bagi suami, lafaz tersebut diucapkan bagi melepaskan diri daripada disabitkan kesalahan *qadhaf*. Manakala bagi isteri, ia menjadi pertahanan dari dikenakan hukuman zina.¹⁰⁸

Kedua-dua tindakan tersebut mempunyai kesan yang sama terutama kepada zuriat masing-masing. Anak zina tidak akan disandarkan nasabnya secara biologi kepada lelaki yang melakukan jenayah tersebut walaupun dia berkahwin selepas itu. Begitu juga anak daripada pasangan yang melakukan *li'ān* tidak akan disandarkan kepada lelaki iaitu bekas suaminya yang membuat dakwaan zina terhadap isterinya (ibu anak tersebut). Oleh itu, persamaan kedua-dua tindakan tersebut dari sudut kesannya ialah zuriat yang lahir akan dinasabkan kepada ibunya.

Pewarisan anak zina dan *li'ān* hanya berlaku di sebelah ibunya sahaja. Ini disebabkan mereka tidak mempunyai hubungan di sebelah bapa atau nasab mereka sudah terputus. Justeru itu, mereka akan mewarisi daripada ibunya atau saudara-saudara seibu dan begitu juga sebaliknya.¹⁰⁹

Dalam hal ini, pandangan Zayd menyerupai hukum yang telah ditetapkan di dalam nas. Sa'īd b. al-Musayyab meriwayatkan daripada Zayd b. Thābit berkata mengenai pewarisan anak *li'ān*: “Bagi ibunya sebanyak 1/3 dan 2/3 diberikan kepada baitulmal”.¹¹⁰

¹⁰⁷ Al-Sa'dī, 'Abd al-Mālik 'Abd al-Raḥmān, *al-'Alāqāt al-Jinsiyyah Ghayr al-Syar'īyyah*, al-Ramādī: Dār al-Anbār, jld. 1, hh. 63.

¹⁰⁸ Al-Jurjānī, 'Alī b. Muḥammad, *Kitāb al-Ta'rīfāt*, h. 246.

¹⁰⁹ Berlaku perselisihan di kalangan fuqaha' tentang penerimaan ibu dan keluarga yang berhubung dengannya kepada tiga pendapat. Punca pertikaian berlaku dalam menjadikan kedudukan ibu sebagai 'asabah atau tidak.

¹¹⁰ Al-Dārimī, 'Abdullāh b. 'Abd al-Raḥmān, *op.cit.*, h. 819.



g. Kes Kematian Serentak

Kes ini berlaku apabila melibatkan kematian sesebuah keluarga secara serentak seperti terlibat dengan kemalangan, mangsa runtuh bangunan, mangsa karam dan seumpamanya. Ia memberi kesan dari sudut ketidakpastian menentukan waris-waris yang berhak ketika pewaris meninggal dunia. Oleh yang demikian, tidak wujud salah satu syarat dalam pewarisan.

Dalam kes ini, Zayd berpendapat agihan pusaka hanya berlaku kepada waris yang hidup sahaja. Mereka akan mendapat pusaka daripada pewaris-pewaris yang meninggal dunia sama ada seorang atau lebih. Waris yang mati serentak dengan pewarisnya tidak akan mempusakai.

Khārijah b. Zayd meriwayatkan daripada Zayd dengan berkata: “Sesungguhnya Zayd mewariskan waris yang masih hidup daripada si mati. Dia juga tidak akan mewariskan orang yang meninggal dunia di antara satu sama lain”.¹¹¹ Dalam riwayat yang lain, Khārijah b. Zayd berkata daripada Zayd: “Setiap kaum (keluarga) adalah mewarisi. Adapun mereka yang tidak pasti kematiannya seperti dalam runtuh atau lemas, maka pewarisan tidak akan berlaku antara mereka tetapi yang mewarisi waris yang masih hidup”.¹¹²

Kesimpulan

Zayd b. Thābit r.a. boleh dikategorikan sebagai ilmuan sahabat yang menjadi perantara di antara Rasulullah dan umatnya. Beliau memiliki sifat yang terpuji dan banyak berkorban untuk Islam itu sendiri. Sikap cintakan ilmu menjadikan beliau seorang yang bermotivasi sejak kecil lagi dan seterusnya menjadi rujukan kepada umat Islam yang lain. Antara sumbangan terbesar ialah usaha beliau dalam penulisan wahyu (al-Quran) bersama sahabat-sahabat yang lain sejak Rasulullah SAW masih wujud. Usaha beliau tidak terhenti dengan kewafatan baginda, bahkan diberi kepercayaan penuh oleh khalifah-khalifah yang dilantik dalam meneruskan pengumpulan al-Quran hingga menjadi satu bentuk mashaf yang digunakan oleh masyarakat Islam hari ini.

Dalam perbincangan ilmu faraid, Zayd b. Thābit r.a telah banyak mengeluarkan pandangan sama ada dalam bentuk ijtihad yang menerangkan semula nas yang ada

¹¹¹ ‘Abd al-Razzāq b. Hummām, *al-Musannaf*, jld. 10, h. 297.

¹¹² Al-Dārimī, ‘Abdullāh b. ‘Abd al-Raḥmān, *op.cit*, h. 835.





atau berbentuk peneranga baru yang bersesuaian dengan prinsip-prinsip umum ilmu faraid. Sumber ijtihad beliau dalam bidang ini ialah nas itu sendiri yang terdiri daripada ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Ketokohan Zayd b. Thābit r.a dalam ilmu faraid dapat dilihat apabila beliau banyak menerangkan dan seterusnya menyelesaikan masalah-masalah faraid semasa pada zamannya. Ini merupakan sedikit kelebihan beliau dan seterusnya membenarkan perakuan yang diberi sendiri oleh Rasulullah SAW terhadap beliau. Pendapat beliau telah diterimapakai oleh kebanyakan mazhab fiqh.

Pendapat Zayd dalam penyelesaian kes-kes faraid yang tertentu kebanyakannya melibatkan masalah-masalah yang tidak jelas hukumnya di dalam nas terutama yang berkaitan dengan bahagian datuk. Persaingan antara bahagian datuk dan saudara-saudara lelaki atau perempuan si mati sama ada seibu sebapa atau sebapa dapat dilihat berdasarkan penyelesaian beliau dalam kes *al-kharqā'*, *al-akdariyyah* dan *al-mu'āddah* dan *al-ḥamziyyah*. Persamaan di antara kes-kes tersebut ialah pengiraan yang melibatkan bahagian datuk dan bahagian saudara-saudara si mati sama ada bersama mereka waris *ashab al-furūd* atau tidak. Ini mengukuhkan lagi kedudukan ijtihad Zayd dalam menyelesaikan masalah faraid yang tidak mempunyai nas yang jelas seperti bahagian yang diperolehi oleh datuk. Pengiraan dibuat dengan lebih teliti agar bahagian datuk tidak dihapuskan sama sekali.

Dalam kes *al-musharakah* pula, Zayd melihat pembahagian pusaka perlu dilakukan secara adil dengan mengambilkira ikatan kekeluargaan adalah diutamakan. Oleh itu, perkongsian harta berlaku yang melibatkan saudara seibu sebapa dan saudara seibu. Manakala penyelesaian pewarisan kepada anak zina, *li'ān* dan kematian serentak adalah dibuat untuk memastikan bahawa pewarisan merupakan satu bentuk agihan yang adil dan pratikal. Ini kerana, setiap pewarisan hendaklah memenuhi konsep-konsep asas yang telah ditetapkan. Zayd melihat sekiranya sesuatu pewarisan yang tidak memenuhi prasyaratnya boleh menyebabkan agihan tidak akan berlaku atau tidak sempurna.

